

## IKRAR ANTI RASISME OLEH CALON

Bahawasanya saya Darren Ong Chung Lee calon Pilihanraya Negeri Selangor untuk DUN N55 Dengkil dari Parti Sosialis Malaysia Dengan ini menginsafi bahawa diskriminasi perkauman dan politik perkauman bagai sebuah penyakit kronik yang menghancurkan rakyat Malaysia pada masa kini. Maka kami para pendukung perjuangan menentang perkauman atau rasisme ini dengan penuh iltizam berikrar bahawa

- Saya tidak akan memainkan apajua isu politik perkauman demi untuk meraih undi atau sokongan daripada rakyat.
- Saya akan menjauhi daripada menggunakan apajua unsur perkauman dalam semua aktiviti kempen pilihanraya termasuk ceramah, komen, kenyataan akhbar, tulisan media social, risalah, banner atau apajua bahan kempen yang akan mendiskriminasi atau mewujudkan kebencian terhadap suatu kaum yang lain atau warga migran.
- Saya juga akan memastikan bahawa semua aktiviti dan perjuangan kami adalah berdasarkan kepada kelas masyarakat dan bukannya berdasarkan warna kulit dan kaum. Kumpulan sasar manifesto dan perjuangan kami adalah berdasarkan kaum tertindas tanpa mengira warna kulit.
- Jika Saya berjaya dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri maka saya akan mengusulkan supaya suatu Undang-Undang Akta Kesaksamaan,


Bahawasanya, ini ikrar yang menegaskan komitmen kami memerangi perkauman (rasisme) di Malaysia. Hidup Rakyat ! Hapuskan Rasisme !

Darren Ong Chung Lee



11 JUL 2023

Di hadapan saya,



B 822  
LIM CHIN TEONG  
01.12.2022 - 29.05.2024  
MALAYSIA  
Pe suruhjaya Sumpah  
11 JUL 2023

## AKUAN BERKANUN

### PENGISYTIHARAN HARTA


Saya, **Darren Ong Chung Lee** (No. K/P \_\_\_\_\_) yang beralamat di \_\_\_\_\_, Kota Warisan, 43900 Selangor dengan ini membuat akuan berkanun mengikut Akta Akuan Berkanun 1960 bagi tujuan mengisytiharkan harta saya sebagai seorang calon Parti Sosialis Malaysia di dalam Pilihan Raya Negeri Selangor di Dun Dengkil N55. Saya mengisytiharkan perkara-perkara berikut:-

1. Saya berkerja sebagai Professor daripada tahun 2022 sehingga kini.
2. Jumlah nilai aset bersih saya pada Jun 2023 adalah dianggarkan sebanyak RM850000. Senarai harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya adalah dilampirkan di dalam Lampiran A.
3. Kesemua anggaran yang terkandung di dalam pengisytiharan ini dibuat dengan usaha terbaik dan berdasarkan dokumen, rekod dan/atau ingatan saya. Semua aset yang diberi nilai pasaran terkini adalah berdasarkan anggaran terbaik saya.

Saya dengan ini mengesahkan kesemua kenyataan dan maklumat yang dinyatakan diatas dan di lampiran A, saya membuat akuan ini dengan percaya bahawa akuan ini benar dan mengikut peruntukkan di dalam Akta Akuan Berkanun 1960

Diperbuat dan sesungguhnya diakui oleh  
saya, Darren Ong Chung Lee  
Diikrar pada 11 JUL 2023  
Di PETALING JAYA  
pada pukul 1.28 pm  
[terjemahan tidak dikehendaki]

)  
)  
)  
)  
)  
)  
)



Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah



## LAMPIRAN "A"

## 1. ASET SEHINGGA 30 Jun 2023

## (a) Tunai &amp; Simpanan - A

Jenis Tunai/Simpanan/Deposit Tetap/lain-lain	Jumlah (RM)
Simpanan	40000
Deposit Tetap	10000
Pelaburan	450000
<b>Jumlah</b>	<b>500000</b>

## (b) Hartanah - B

Jenis Kediaman/Komersial/ lain-lain	Tahun Pemilikan	Cara Pemilikan	Nilai Pasaran Semasa (RM)
Kediaman	5	50%	300000
<b>Jumlah</b>			<b>300000</b>

## (c) Kenderaan - C

Jenis/jenama	Tahun Pemilikan	Cara Pemilikan	Nilai Pasaran Semasa (rm)
Honda City	6		50000

## 2. HUTANG SEHINGGA 30 Jun 2023 - D

Jenis pinjaman	Pemiutang	Jumlah Hutang (RM)
Pinjaman hartanah	-	0
Pinjaman Kereta	-	0
Pinjaman Peribadi	-	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>

## 3. NILAI ASET BERSIH SEHINGGA 30 Jun 2023

Jumlah Nilai Aset (RM) A + B + C	Jumlah Hutang (RM) D	Jumlah Bersih (RM) (A+B+C)-D
850000	-	850000
<b>Jumlah</b>		<b>850000</b>

## 4. PENDAPATAN BULANAN PADA 30 Jun 2023

Jenis Pendapatan	Butir Pendapatan	Pendapatan Bulanan Semasa (RM)
Gaji	Gaji Professor	14000
<b>Jumlah</b>		<b>14000</b>

## 5. PERBELANJAAN BULANAN PADA 30 Jun 2023

<b>Jenis Perbelanjaan</b>	<b>Butir Perbelanjaan</b>	<b>Perbelanjaan Bulanan Semasa (RM)</b>
Pinjaman rumah		0
Pinjaman Kenderaan		0
Bil harian		3000
Sumbangan kepada isteri/suami		0
Sumbangan kepada ibu bapa		2000
<b>Jumlah</b>		<b>5000</b>